



NOTIS SEBUT HARGA

Pembekal adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang dan kriteria serta bertaraf **BUMIPUTERA** yang mana tempoh pendaftarannya masih berkuat kuasa sepanjang tempoh pelaksanaan perkhidmatan seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	MEMENUHI SYARAT-SYARAT
IIM/SH/10/2025	Perkhidmatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Portal Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun	➤ <u>Kod Bidang:</u> 210103: <i>Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance; dan/atau</i> 210104: <i>Software/System Development/Customizati on and Maintenance</i> ➤ <u>Lokality:</u> 1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2. Selangor 3. Wilayah Persekutuan Putrajaya

TAKLIMAT

Tarikh: 17 Disember 2025 (Rabu)

Masa: 11.00 pagi

Tempat: Bilik Etika, Aras 2, Institut Integriti Malaysia 0h

Pengesahan kehadiran:

<https://forms.gle/PhoqxUGzvxJMpsrP8>

**HANYA PEMBEKAL MENGESAHKAN KEHADIRAN DAN MENGHADIRI
TAKLIMAT DIBENARKAN MENYERTA SEBUT HARGA**

1. Pembekal **DIKEHENDAKI HADIR 30 MINIT LEBIH AWAL** sebelum sesi taklimat berlangsung bagi tujuan pendaftaran. Pembekal **TIDAK DIBENARKAN** turut serta pada sesi taklimat selepas waktu yang ditetapkan.

2. PENAMA syarikat dikehendaki membawa **cop syarikat, sijil asal (untuk pengesahan) dan salinan fotostat** (tidak dikembalikan) semasa menghadiri taklimat. **HANYA PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan boleh menghadiri taklimat dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI LAIN.**
3. Dokumen sebut harga boleh dibeli mulai **17 Disember 2025 (Masa: 2.00 petang - 4.00 petang) hingga 23 Disember 2025 (Masa: 9.00 pagi - 4.00 petang)** dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** bagi satu (1) set dokumen dan bayaran tidak akan dikembalikan. Sila kemukakan slip bukti pembayaran melalui e-mel perolehan@iim.gov.my bagi tujuan mendapatkan dokumen sebut harga. **Pembayaran boleh dibuat melalui payment gateway di laman sesawang rasmi Institut Integriti Malaysia (IIM).**
4. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi **WAJIB** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut:

**Institut Integriti Malaysia
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 KUALA LUMPUR.
(u.p: Bahagian Pentadbiran)**
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah sampai **pada 24 Disember 2025 (Rabu) tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari.** Tawaran yang lewat dari masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.** IIM tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan/kehilangan penghantaran Dokumen Sebut Harga melalui pos berdaftar/kurier.
6. IIM tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana Cadangan Tawaran. IIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran yang mana diputuskan munasabah.
7. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga sila e-mel kepada perolehan@iim.gov.my atau hubungi **Encik Shazlan di talian 011-6084 0841 / Encik Fatah: 018-388 4642 / Puan Nazsalwani: 012-933 9787.**

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KOMITED MEMBUDAYAKAN INTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,



IZWAN FAHMEE BIN NURUDDIN
Pengarah
Bahagian Pentadbiran
Institut Integriti Malaysia

